



kaunseling Remaja

Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengejala Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Gadis dinodai tiada semangat hidup

Sentiasa tidak tenteram khianati kepercayaan ibu bapa akibat desakan teman lelaki

Soalan

SAYA mempunyai masalah peribadi yang cukup membuatkan saya tertekan dan berasa bersalah.

Saya dan teman lelaki pernah terlanjur dan kesal apa yang berlaku.

Perkara ini berlaku dua bulan lalu ketika ibu bapa saya tiada di rumah.

Kira-kira jam 3 pagi, teman lelaki menyuruh saya membuka pintu pagar rumah, tetapi saya enggan. Disebabkan enggan membuka pintu, dia marah dan memaki hamun saya.

Bagaimanapun, saya tetap tidak mahu membuka pintu.

Namun, akhirnya saya mengalah dan membuka pintu kerana dia mengugut kembali menjadi kaki botol dan membuang botol arak di hadapan rumah selain saya takut jiran terjaga.

Selepas kejadian itu, dia melayan saya seperti biasa, tetapi saya pula sudah tawar hati dengannya.

Saya juga terpaksa menanggung sakit ketika berjalan kerana perbuatan terkutuk itu.

Ada juga saya mengadu sakit terhadapnya, namun dia buat tidak tahu saja.

Dua minggu kemudian, dia memutuskan mengakhiri perhubungan kami.

Ketika itu, hati saya hancur dan kecewa kerana menyangka dia akan bertanggungjawab di atas perbuatannya.

Namun, lama kelamaan saya pasrah dan menerima keputusannya dengan hati yang tenang.

Bagaimanapun, seminggu selepas itu, dia mahu menyambung kembali perhubungan kami kerana tidak dia tidak boleh hidup tanpa saya.

Pada mulanya, saya malas untuk melayan, tetapi melihat kepada kesungguhannya, saya beri dia peluang kedua.

Saya melayan dia ala kadar saja dan tidak seperti dulu lagi. Sampai satu ketika, dia menegur saya agar tidak melayannya seperti itu dan mengingatkan saya dengan peristiwa yang berlaku di antara kami.

Saya sangat terkejut dengan kata-katanya itu.

Saya memang sayangkan

dia, tetapi hati saya sakit dengan apa yang dia sudah lakukan kepada saya.

Sebelum masuk tahun baru, saya meminta putus daripadanya kerana tidak mahu apa-apa kaitan dengannya walaupun tahu saya bukan perempuan suci.

Namun, setiap kali di rumah, saya takut dan sentiasa melihat bayangannya datang kepada saya.

Saya kini tidak mampu untuk melihat wajah ibu bapa kerana sudah mengkhianati kepercayaan mereka.

Saya juga tidak punya semangat dan betul-betul merasa takut untuk meneruskan hidup.

Memang ada lelaki mahu berkenalan, tetapi saya menolak kerana ia tidak adil bagi lelaki untuk memiliki perempuan yang ditebuk tupai.

Tolonglah Dr, hidup saya sangat kusut.

Saya terpaksa menelan ubat tahan sakit kerana pening kepala memikirkan hal ini setiap hari.

Gadis hilang semangat,
JOHOR

Jawapan

TERIMA kasih kerana sudi berkongsi masalah adik dengan Dr.

Apa yang adik lalui adalah satu dugaan hidup.

Firman Allah s.w.t dalam surah At-Taubah ayat 51 yang bermaksud: "Katakanlah: Tiadalah akan menimpakan kami, kecuali apa yang sudah dituliskan Allah bagi kami. Sesungguhnya Allah, jika mencintainya suatu kaum, maka Dia akan mengujinya."

Walaupun kesucian sering menjadi isu dalam pasangan berkahwin, namun elemen lain seperti sifat isteri yang bertanggungjawab, menghormati suami, menerima suami seadanya, bersyukur di atas kehidupan yang dilalui, pandai menjaga keluarga adalah antara faktor yang akan membahagiakan seorang suami dan juga rumah tangga.

Gadis memang perlu menjaga kesuciannya agar tidak menimbulkan kesan negatif psikologi kepadanya di kemudian hari.

Selain itu, perbuatan zina adalah satu perbuatan ber-

dosa dalam agama dan amat perlu di jauhi.

Apa yang berlaku kepada adik mungkin boleh dijadikan pengajaran kepada adik dan gadis lain untuk tidak mudah terjatuh kepada pujukan teman lelaki sehingga sanggup melakukan perbuatan terkutuk itu.

Berhubung ketakutan untuk menjalin perhubungan dengan lelaki akibat peristiwa itu, Dr memahami perasaan adik.

Janganlah hanya takut diri sudah ternoda, adik menghalang diri untuk menikmati kegembiraan bersahabat.

Jika ada lelaki yang ingin mengisi kekosongan, berilah diri adik dan lelaki tersebut peluang.

Namun, penting untuk mengingatkan diri agar tidak mengulangi kesilapan lampau.

Adik perlu membuat keputusan dalam menentukan perjalanan hidup adik sendiri.

Dalam memilih teman hidup, adik bertanggungjawab menentukan siapa lelaki yang bakal menjadi teman lelaki adik.

Adik perlu bersifat agresif untuk menentukan sama ada mahu meneruskan perhubungan dengan teman lelaki atau sebaliknya.

lanya tidak perlu disebabkan oleh adik terpaksa berkawan dengannya.

Jika adik merasakan perhubungan adik dengan teman lelaki lebih banyak mendatangkan keburukan, lebih baik jika adik memutuskan perhubungan.

Jika terus berkawan atas dasar terpaksa, adik tidak akan menerima perhubungan itu dengan hati terbuka dan akan sentiasa merasa marah dengan diri sendiri.

Dengan kemarahan itu juga, adik akan turut merasa marah dengan teman lelaki dan juga orang di sekeliling adik.

Dr berharap agar adik jangan berputus asa dalam kehidupan ini.

Allah s.w.t berfirman: "Katakanlah: Hai hamba-hamba-Ku yang berlebihan terhadap dirinya, janganlah kamu berputus asa daripada rahmat Allah. Sesungguhnya Allah mengampuni dosa semuanya."

Pameran Seni Solo CABARAN

karya Iylia Afiat

1 - 30 Januari 2009 • 10 pg - 6 ptg

Tiada keyakinan akibat lemah bahasa Inggeris

Soalan

SAYA adalah pelajar sebuah institut pengajian tinggi (IPT) yang menghadapi masalah berbahasa Inggeris.

Saya masih tidak boleh berkomunikasi atau menulis dengan baik dalam bahasa berkenaan.

Ini menyebabkan saya tidak yakin dengan diri saya apabila memikirkan masa depan.

Bolehkah Dr memberi panduan mempelajari bahasa Inggeris bersendirian?

Bagaimanakah cara mengingati setiap perkataan, membuat ayat dan bertutur?

Apakah saya punya peluang untuk mahir dalam bahasa Inggeris?

Jawapan

KELEMAHAN dalam sesuatu perkara memang boleh mengurangkan keyakinan.

Kelemahan dalam berkomunikasi dan menulis dalam bahasa Inggeris menyebabkan adik mula merasa tidak yakin dengan diri sendiri terutama apabila memikirkan masa hadapan.

Pasti adik mempunyai peluang mahir dalam bahasa Inggeris. Cuma, berfikir secara rasional bahawa dengan berusaha bersungguh-sungguh dan cara yang betul, adik boleh berjaya menguasai bahasa Inggeris dengan baik.

Percayalah, setiap orang dapat mencapai kejayaan dalam hal apa saja, asalkan menyukai apa yang dilakukan. Mempelajari dan mengua-

sainya sesuatu bahasa adalah satu proses yang berterusan dan memerlukan kesabaran. Jika ingin memperbaiki bahasa Inggeris, adik perlu menetapkan matlamat mengapa mahu mempelajari bahasa Inggeris.

Adik perlu menentukan kenapa adik ingin mempelajari bahasa itu dan apakah aspek bahasa yang ingin adik kuasai. Adakah ia dari sudut tatabahasa, percakapan atau penulisan.

Buat permulaan, apa yang adik perlu lakukan adalah dengan mengenali satu perkataan setiap hari.

Selain itu, adik perlu memilih bahan yang baik untuk memperbaiki pembacaan, tatabahasa, penulisan dan percakapan dalam bahasa

Inggeris.

Walaupun ingin mempelajari bahasa Inggeris secara bersendirian, adik juga perlu mencari teman yang boleh diajak bercakap dalam bahasa Inggeris.

Mempelajari bahasa Inggeris dalam kelompok adalah lebih menyeronokkan daripada mempelajarinya seorang.

Adik juga perlu mengaplikasikan apa yang adik pelajari dalam kehidupan harian. Banyakkan latihan bercakap, menulis, berfikir dalam bahasa Inggeris.

Adik juga boleh memperoleh banyak bahan pembelajaran bagi membantu meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris adik termasuk melalui media dan Internet.

Awak runsing,
KEDAH

INSTEP
Lobi Utama, Balai Berita
The New Straits Times Press
(Malaysia) Berhad
Tel: 03-20569496
(Norena)